

HUBUNGAN MODAL INSAN DAN MODAL SOSIAL  
DENGAN PENDAYAUPAYAAN EKONOMI DALAM  
KALANGAN ORANG KUALA, JOHOR

WAN AHMAD AMIR ZAL BIN WAN ISMAIL

DOKTOR FALSAFAH  
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

2011

% 7859

1100083875

Perpustakaan Sultanah Nur Zahirah  
Universiti Malaysia Terengganu (UMT)

tesis

HD 4904.7 .M4 W3 2011



1100083875

Hubungan modal insan dan modal sosial dengan  
pendayaupayaan ekonomi dalam kalangan orang Kuala Lumpur /  
Wan Ahmad Amir Zal Wan Ismail.



PERPUSTAKAAN SULTANAH NUR ZAHIRAH  
UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU (UMT)  
21030 KUALA TERENGGANU

1100083875

Lihat sebelah

HAK MILIK

PERPUSTAKAAN SULTANAH NUR ZAHIRAH UMT

**HUBUNGAN MODAL INSAN DAN MODAL SOSIAL DENGAN  
PENDAYAUPAYAAN EKONOMI DALAM KALANGAN  
ORANG KUALA, JOHOR**

**WAN AHMAD AMIR ZAL BIN WAN ISMAIL**

**DOKTOR FALSAFAH  
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

**2011**

**HUBUNGAN MODAL INSAN DAN MODAL SOSIAL DENGAN  
PENDAYAUPAYAAN EKONOMI DALAM KALANGAN  
ORANG KUALA, JOHOR**

**WAN AHMAD AMIR ZAL BIN WAN ISMAIL**

Tesis ini dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah  
Universiti Putra Malaysia, sebagai memenuhi  
keperluan untuk ijazah Doktor Falsafah

**Disember 2011**

Abstrak tesis dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Doktor Falsafah

**HUBUNGAN MODAL INSAN DAN MODAL SOSIAL DENGAN  
PENDAYAUPAYAAN EKONOMI DALAM KALANGAN  
ORANG KUALA, JOHOR**

Oleh

**WAN AHMAD AMIR ZAL BIN WAN ISMAIL**

Disember 2011

Pengerusi : Ma'Rof Redzuan, PhD

Fakulti : Fakulti Ekologi Manusia

Isu lazim yang dikaitkan dengan Orang Asli ialah kegagalan mereka untuk menyertai sistem arus perdana. Sedangkan Orang Asli mempunyai potensi tersendiri yang berupa pengetahuan tradisi mengikut penempatan mereka. Pemilikan modal insan itu menyebabkan masyarakat luar bergantung pada mereka untuk memperoleh manfaat ekonomi. Ia menunjukkan wujudnya modal sosial antara Orang Asli dan masyarakat luar. Melalui pergantungan itu mewujudkan aktiviti ekonomi yang menunjukkan adanya unsur-unsur pendayaupayaan ekonomi.

Bagi menyelidik realiti itu, kajian ini menyenaraikan empat objektif kajian, iaitu, pertama, mengenal pasti tahap pendayaupayaan ekonomi Orang Kuala. Kedua, mengenal pasti tahap pemilikan serta penggunaan modal insan dan modal sosial Orang Kuala. Ketiga, menjelaskan sama ada

pendayaupayaan ekonomi dipengaruhi oleh pemilikan dan penggunaan modal insan dan modal sosial. Dan keempat, menjelaskan sama ada pendayaupayaan ekonomi dipengaruhi oleh modal sosial dimensi sosial dan dimensi ekonomi.

Kajian ini menggunakan reka bentuk penyelidikan tinjauan yang dilaksanakan di kampung Orang Kuala Kampung Bumiputera Dalam Rengit, Kampung Seri Pantai Senggarang dan Kampung Baru Benut, Johor. Kesemua responden kajian adalah Orang Asli suku kaum Orang Kuala, iaitu seramai 267 responden. Penyelidik menggunakan pensampelan secara kebetulan atau mudah. Bagi metode kajian, penyelidik menggunakan metode temu bual berdasarkan borang soal selidik. Data kajian dianalisis menggunakan perisian komputer SPSS. Data kajian dipamerkan dan dianalisis dengan menggunakan peratus dan min, ujian t dan MANCOVA.

Dapatan kajian menunjukkan modal insan tradisi kurang dimiliki Orang Kuala. Manakala penggunaannya pula bergantung pada jenis modal insan. Kajian turut menunjukkan Orang Kuala memiliki modal insan baharu dan menggunakannya pada tahap yang berbeza-beza mengikut jenis modal insan. Perbezaan pemilikan dan penggunaan modal insan menunjukkan peniaga Orang Kuala kurang memiliki dan menggunakan modal insan tradisi berbanding nelayan Orang Kuala. Sebaliknya peniaga Orang Kuala lebih banyak memiliki dan menggunakan modal insan baharu.

Berkenaan dengan modal sosial, Orang Kuala memiliki modal sosial ikatan dan rapatan yang tinggi. Namun pemilikan dan penggunaannya berbeza mengikut pekerjaan Orang Kuala. Dapatan kajian menunjukkan modal sosial ikatan dimensi sosial adalah tinggi. Manakala perhubungan Orang Kuala dengan masyarakat luar dalam konteks sosial rapatan berada pada tahap sederhana.

Pendayaupayaan ekonomi Orang Kuala berada pada tahap sederhana. Kajian turut menunjukkan pemilikan dan penggunaan modal sosial ikatan dan modal sosial rapatan dimensi sosial bukan faktor kepada pendayaupayaan ekonomi Orang Kuala walaupun tidak mengawal pekerjaan utama. Modal sosial rapatan dan modal sosial ikatan dimensi ekonomi merupakan faktor kepada pendayaupayaan ekonomi Orang Kuala sungguhpun dengan tidak mengawal pekerjaan utama.

Implikasinya, penumpuan kepada pemilikan dan penggunaan modal insan baharu boleh menyebabkan modal insan tradisi akan pupus kelak. Manakala modal sosial ikatan dan modal sosial rapatan dimensi sosial yang merupakan faktor pendayaupayaan ekonomi menyebabkan hubungan yang wujud adalah untuk kepentingan ekonomi sahaja. Ini menyebabkan perhubungan tersebut tidak akan kekal lama.

Abstract of thesis presented to the Senate of University Putra Malaysia in fulfillment of the requirement for the degree of Doctor of Philosophy

**RELATION OF HUMAN CAPITAL AND SOCIAL CAPITAL TOWARDS ECONOMIC EMPOWERMENT AMONGST ORANG KUALA, JOHOR**

By

**WAN AHMAD AMIR ZAL BIN WAN ISMAIL**

**December 2011**

**Chairman : Ma'Rof Redzuan, PhD**

**Faculty : Fakulti Ekologi Manusia**

A common issue which has been associated with Orang Asli is their failure to participate in mainstream system. Whereas Orang Asli has distinctive capability potential which purports on the traditional knowledge based on their placement's background. There was an existence proof of social capital between Orang Asli and outside community. The dependency urges economy activity to demonstrate the elements of economic empowerment. In order to investigate the reality, this study has listed out four research objectives. Firstly, to identify the level of Orang Kuala's economic empowerment. Secondly, to identify the ownership and the level of usage in human and social capital among Orang Kuala. Thirdly, to explain to what extent economic empowerment is affected by the ownership and the usage of human and social capital. Fourthly, to explain to what extent economic empowerment is affected by social capital from both dimensions of social and economical.

This study implements a survey research design conducted at three Orang Kuala's villages; Kampung Bumiputera Dalam Rengit, Kampung Seri Pantai Senggarang and Kampung Baru Benut, Johor. They are all came from the tribe of Orang Kuala, and make a total of 267 respondents. An accidental or convenience sampling method has been used by researchers in this study. As for the research method, researchers used a method of interviews-based questionnaire. All data were gathered and analyzed using SPSS computer software. These data are being displayed and analysed by percentage and mean, test, t test and MANCOVA.

Human capital activity in the form of traditional knowledge is less being possessed by Orang Kuala. It is found that Orang Kuala tend to have newer human capital and use them differently in accordance to the previous type of human capital which taught to them. The differences in skills and usage of traditional human capital were displayed by a distinctive usage between a trader and a fisherman; whereby a fishermen has more inherited human capital as compare to a trader. However, traders have more newer human capital and respectively used. Issuing in the matter of social capital, Orang Kuala is found to possess a high level of bonding and bridging it. However, this possession and its usage are differing in accordance to their occupation.

On the other hand, a relationship between Orang Kuala people and outsiders in a context of bridging social capital is found to be at a moderate

level. Same goes to the level of economical empowerment of Orang Kuala in general. This study also reveals that in term of social dimension, the ownership and the usage of bonding and bridging social capital are not the main factors to the economic empowerment of Orang Kuala, though both are not controlling the main occupation. Whereas, the bonds and bridges of social capital in term of social dimension are found to be the factors for the economic empowerment of Orang Kuala and sequentially control their main occupations. Moreover, the bonding and bridging of social capital in terms of economic dimension are found to be the factors to the economic empowerment of Orang Kuala though they are not controlling their main occupations.

As for the implications, focusing on ownership and the usage of newer human capital can lead to the extinction of traditional human capital. The bonding and bridging in social capital within social dimension serve as important factors that cause the existing relationship between economic empowerment and economic interests. Consequently, the relationship would not last long.